

D377

U B 3 3 1 DEB  
NEGARA - DADAH

KUALA LUMPUR, 11 DIS (BERNAMA) -- PERLANTIKAN MALAYSIA SEBAGAI Pengerusi Persidangan Antarabangsa Mengenai Penyalahgunaan dan Pengedaran Najis Dadah di Vienna, Austria pada 17 - 26 Jun lepas merupakan satu penghormatan besar kepada negara, Dewan Negara diberitahu hari ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata persidangan itu, yang dihadiri oleh 136 buah negara dan 173 buah organisasi bukan kerajaan telah melantik Malaysia sebagai Pengerusi Persidangan dengan suara sepakat.

ia merupakan pengiktirafan masyarakat antarabangsa kepada usaha-usaha gigih Malaysia dan ketegasannya dalam membendung wabak dadah, katanya kepada pertanyaan Senator A. Shaik Dawood Abubakar semasa soal-jawab.

katanya sambutan baik ini terbukti lagi apabila kedua-dua dokumen yang dihasilkan oleh persidangan itu diterima dengan sebulat suara oleh negara-negara yang menghadiri persidangan itu.

Dokumen-dokumen berkenaan ialah garis panduan komprehensif dan pelbagai disiplin bagi tindakan masa hadapan untuk mengawal penagihan dan pengedaran dadah atau CMO dan deklarasi politik. --  
Lagi.

1651MST 11 12 07

D379

U B 332 DEB  
NEGARA - DADAH 2 KUALA LUMPUR

Menurut Datuk Seri Dr Mahathir, dokumen CMO mengandungi langkah-langkah yang harus diambil oleh negara-negara untuk membanteras masalah najis dadah sementara deklarasi politik menyatakan komitmen politik negara-negara yang berkenaan untuk mengatasi wabak dadah.

Beberapa cadangan yang dikemukakan oleh Malaysia telah diterima untuk dimasukkan dalam dokumen CMO dan dalam penyediaan deklarasi itu Malaysia juga memainkan peranan utama dengan mengemukakan drafnya yang pertamanya.

Perdana Menteri berkata negara-negara peserta bersetuju untuk mematuhi di peringkat keangsaan kehendak-kehendak kedua-dua konvensyen antarabangsa yang sedia wujud serta membantubadan-badan bangsa-bangsa bersatu yang berkenaan dalam mempertingkatkan usaha-usaha pengawalan dan pencegahan dadah.

Konvensyen-konvensyen berkenaan ialah +konvensyen tunggal mengenai dadah narkotik 1961+ dan +konvensyen mengenai eahan-bahan psichotropik 1971+.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata pengiktirafan juga diberi kepada peranan yang penting yang dimainkan oleh badan-badan bukan kerajaan. --  
Bernama.

1654MST 11 12 8 7